

SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera



Unit Komunikasi Korporat
VFive Group Sdn Bhd
Wisma VFive Group
No. 7, Jalan Kencana 18
Taman Kencana
56100 Ampang
Kuala Lumpur
www.vfive.com.my

VFIVE GROUP ANGKAT MARTABAT JENAMA SYARIKAT BUMIPUTERA

*KECEMERLANGAN BERTERUSAN DALAM INDUSTRI JADI INSPIRASI BUAT
PERNIAGAAN BUMIPUTERA LAIN*

Kuala Lumpur, 24 Februari 2022 : Kejayaan dan kecemerlangan berterusan yang dicapai oleh syarikat milikan penuh bumiputera, VFive Group Sdn Bhd, diberikan penghargaan apabila dinobatkan sebagai pemenang anugerah kategori The BrandLaureate Bumiputera BestBrands 2022.

Anugerah tersebut disampaikan kepada Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif syarikat berkenaan, Datuk Hj Syafiq Abdullah pada majlis gala yang dianjurkan oleh The BrandLaureate, badan pengiktiraf jenama dan penjenamaan bertempat di The Majestic Hotel Kuala Lumpur malam semalam.

Majlis yang dihadiri sekitar 300 hadirin itu meraikan dan mengiktiraf jenama Bumiputera yang telah berjaya mengukir tanda kecemerlangan mereka dalam industri masing-masing. Para pemenang dinilai berdasarkan kejayaan syarikat menepati kriteria-kriteria yang ditetapkan serta menjadi sumber inspirasi kepada banyak perniagaan dan jenama yang bercita-cita tinggi di luar sana, selari dengan objektif memartabatkan jenama Bumiputera selaku kebanggaan negara.

Mengulas mengenai anugerah yang diterima, Datuk Hj Syafiq Abdullah berkata, “Kejayaan ini bukanlah milik beliau seorang tetapi hasil kerja keras semua kakitangan yang bertungkus-lumus memastikan syarikat berjaya mencapai segala sasaran yang diinginkan”.

SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera



“Kejayaan ini diharapkan akan menjadi pembuka lembaran kecemerlangan VFive Group di tahun 2022, ke haluan mencapai lebih banyak lagi kejayaan-kejayaan di masa akan datang. Kita tidak mahu selesa dan berpuas hati di tahap ini sahaja, malah akan terus berusaha dengan lebih kuat”, tambah beliau lagi.

Dalam pada itu, beliau turut mengambil kesempatan menzahirkan penghargaan kepada semua pihak yang telah banyak menyumbang secara langsung mahupun tidak langsung ke arah kejayaan VFive Group sehingga ke hari ini. Lebih manis lagi, tahun 2022 merupakan tahun yang cukup bersejarah buat syarikat berkenaan yang telah genap 10 tahun beroperasi sejak ditubuhkan pada tahun 2012.

“Alhamdulillah, kami sememangnya sangat-sangat bersyukur kerana sentiasa diberikan sokongan yang tidak berbelah bahagi dari semua pihak termasuklah para pemegang taruh, rakan niaga, klien, pembekal dan juga vendor. Hasil sokongan mereka adalah pencetus yang memacu VFive untuk menggapai kejayaan demi kejayaan. Terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan”, ujarnya lagi.

Majlis yang dianjurkan dengan menepati SOP itu diserikan lagi dengan persembahan khas oleh Man Bai dan Kirana & The Playerz. Antara anugerah lain yang turut disampaikan pada majlis gala tersebut adalah Brand ICON Leadership, ICONIC Brand of The Year , Bumiputera Brand Leadership, CSR BrandLeadership, dan World Halal Bestbrands kepada syarikat-syarikat pemenang.

Untuk maklumat lanjut mengenai anugerah berkenaan, sila layari laman sesawang <https://www.thebrandlaureate.com> atau laman Facebook The BrandLaureate Awards.